

Hubungan antara Latar Belakang dan Teladan Ibu Bapa dengan Tingkah Laku Murid Terhadap Alam Sekitar

The Relationship between Background and Parental Role Model with Pupil's Behaviour toward the Environment

Nurul Hidayah Liew Abdullah, Haryati binti Shafii & Seow Ta Wee

Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Johor, Malaysia

E-mel: nurul1216@gmail.com

Abstrak

Teladan yang positif terhadap alam sekitar sepatutnya diikuti. Artikel ini bertujuan mengenal pasti hubungan antara teladan ibu bapa dengan kesedaran responden murid terhadap alam sekitar. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah soal selidik ke atas masing-masing 225 orang responden murid dan ibu bapa. Ujian korelasi dilaksanakan untuk menentukan kewujudan hubungan teladan ibu bapa terhadap alam sekitar dengan tingkah laku responden murid terhadap alam sekitar. Hasil kajian menunjukkan wujud hubungan tidak signifikan antara laporan sendiri responden murid dengan pandangan responden ibu bapa tentang tingkah laku responden murid terhadap alam sekitar ($r=.121$, $p>.05$), wujud hubungan positif dan signifikan antara taraf pendidikan ibu bapa dan teladan responden ibu bapa dengan tingkah laku responden murid terhadap alam sekitar masing-masing ($r=.192^{**}$, $p<.05$) dan ($r=.427^{**}$, $p<.05$). Kesimpulannya, ibu bapa sebagai pihak berkepentingan merupakan antara pihak yang mampu mempengaruhi tingkah laku anak terhadap alam sekitar.

Kata kunci

Alam sekitar, pihak berkepentingan, ibu bapa, teladan, tingkah laku

Abstract

*This study aims to identify the relationship between role model shown by parents with pupil awareness towards the environment. This research was conducted using questionnaires on 225 pupils and their parents. The correlation test was carried out to determine the existence of parental role model relationships to the environment with the pupil behaviour towards the environment. The study showed no significant relationship between the pupil's self-reporting compared to parent's reports about their pupil's behaviour on environment ($r=.121$, $p>.05$), a positive and significant relationship between level of parental education and parental role model with the pupil's behaviour towards the environment respectively ($r=.192^{**}$, $p<.05$) and ($r=.427^{**}$, $p<.05$). In conclusion,*

parents as stakeholders are among the influential parties who are able to influence children's behaviour towards the environment.

Keywords

Environment, stakeholders, parents, role model, behaviour

Pengenalan

Ibu bapa merupakan pihak berkepentingan paling utama dalam kehidupan seseorang anak termasuklah berperanan dalam membentuk dan menentukan tingkah laku anak-anak terhadap alam sekitar. Hal ini kerana pendidikan awal di rumah merupakan asas pembentukan keperibadian seseorang individu. Kesedaran tentang kepentingan, keselamatan alam sekeliling dan pembangunan berterusan sejak usia kanak-kanak dan diamalkan akan dapat membentuk mereka dalam penyesuaian kehidupan yang mesra alam apabila dewasa kelak dan akhirnya akan menjadi amalan dalam kehidupan seharian (Kilinc *et al.*, 2008; Sharifah Zarina, 2011). Lazimnya seseorang individu akan melalui proses pembelajaran secara tidak formal bermula dari rumah. Menurut Teori Pembelajaran Sosial, proses pembelajaran berlaku melalui pemerhatian, pengalaman dan pengajaran langsung (Bandura, 1977, 1986). Pemerhatian dan peniruan tingkah laku oleh anak melalui suri teladan ibu bapa menyebabkan sesuatu perbuatan menjadi budaya. Justeru, ibu bapa merupakan suri teladan pertama kepada anak-anak, seharusnya memaparkan tingkah laku yang baik terhadap alam sekitar.

Oleh yang demikian, ibu bapa sebagai pemimpin di rumah perlu mengambil langkah yang positif untuk menerapkan nilai-nilai murni alam sekitar kepada anak-anak melalui tingkah laku dan amalan seharian. Pendidikan awal yang bermula dari rumah sepatutnya diterapkan dengan pengetahuan dan kemahiran yang positif terhadap alam sekitar. Peranan ibu bapa mewujudkan pola penggunaan alam sekitar yang positif dipercayai dapat membantu dalam mencorak dan membentuk tingkah laku anak terhadap alam sekitar.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan kerana jenis kajian ini meliputi beberapa ciri seperti untuk mengenal pasti isu yang luas, populasi dan program dalam usaha untuk mengukur atau menerangkan tanggapan umum terhadap cirinya dengan lebih jelas (Cohen *et al.*, 2000). Dengan kata lain, jenis kajian ini merupakan kaedah yang biasa digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada jumlah manusia yang besar berbanding dengan jumlah kecil yang sesuai dengan kaedah kajian kes. Penggunaan borang soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas berkaitan dengan tingkah laku ibu bapa dan anak terhadap alam sekitar.

Sampel kajian terdiri daripada 225 orang responden murid (anak dan murid dalam kajian ini merujuk kepada responden murid yang berusia 12 tahun atau murid tahun 6 di daerah Kulajaya, Johor) dan 225 orang responden ibu bapa. Pensampelan responden murid diambil secara rawak tetapi masih berdasarkan tiga aras prestasi akademik iaitu cemerlang, sederhana dan lemah manakala responden ibu bapa merupakan ibu bapa responden murid dalam kajian ini.

Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 20.0. Analisis yang digunakan termasuklah statistik deskriptif seperti kekerapan, peratus dan min. Selain itu, analisis korelasi juga dijalankan untuk menentukan kewujudan hubungan antara tingkah laku responden murid dengan ibu bapa terhadap alam sekitar.

Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik tingkah laku murid terhadap alam sekitar mengandungi 15 kenyataan iaitu 11 kenyataan positif dan 4 kenyataan negatif. Pengukuran tingkah laku terhadap alam sekitar lebih kepada laporan sendiri tingkah laku merangkumi komitmen sebenar daripada pengakuan murid melalui soal selidik yang telah dibangunkan. Soalan yang dibina pada bahagian ini merupakan tindakan yang telah atau akan dilakukan oleh murid berdasarkan kenyataan yang diberikan. Skala Likert lima mata dipilih untuk menjawab bahagian ini iaitu tidak pernah (TP), jarang-jarang (JJ), tidak pasti (TP), kerap (K) dan sangat kerap (SK). Skor yang diberikan pada setiap kenyataan yang diberikan adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1 Jadual skor Skala Likert 5 mata bagi soalan tingkah laku responden murid

Kenyataan positif	Skor	Kenyataan negatif	Skor
Tidak pernah	1	Tidak pernah	4
Jarang-jarang	2	Jarang-jarang	3
Kerap	3	Kerap	2
Sangat kerap	4	Sangat kerap	1
Tidak pasti	0	Tidak pasti	0

Antara soalan yang diajukan kepada murid pada bahagian ini termasuklah penggunaan air, penggunaan elektrik dan pengurusan sisa buangan. Hal ini kerana air merupakan elemen yang paling penting dalam kehidupan manusia termasuk pengurusan diri, kebersihan, keperluan dan makan minum.

Selain air, elektrik juga merupakan sumber tenaga yang penting dalam kehidupan manusia pada masa kini. Perubahan zaman dan kemajuan teknologi telah menghasilkan peralatan dan mesin untuk memudahkan aktiviti harian manusia, memberi keselesaan, menjimatkan masa dan mewujudkan kemudahan hiburan. Kemudahan ini telah mengakibatkan pertambahan penggunaan tenaga elektrik secara berterusan. Justeru, cara penggunaan elektrik di rumah oleh murid perlu dipastikan untuk mendapat gambaran bagaimana murid sebagai generasi muda menguruskan tenaga ini.

Soalan berkaitan dengan pengurusan sisa buangan juga disoal. Hal ini kerana setiap manusia pasti menghasilkan bahan buangan setiap hari sekurang-kurangnya bahan buangan daripada badan sendiri. Perkara ini bermakna setiap manusia yang ada di muka bumi ini menyumbang kepada sisa buangan yang semakin hari semakin meningkat. Justeru, pengurusan sisa buangan yang sesuai dan betul perlu diaplikasikan dalam kehidupan manusia. Dalam konteks ini, bagaimana murid menguruskan sisa buangan di rumah perlu dikaji dan diselidik supaya generasi ini akan dapat menguruskan alam dengan lebih baik dan berkesan apabila dewasa kelak.

Instrumen responden ibu bapa pula mengandungi 6 soalan demografi, 10 soalan yang berkaitan dengan tingkah laku anak yang berada di Tahun 6 pada tahun 2012 terhadap alam sekitar, 6 soalan teladan ibu bapa berkaitan dengan alam sekitar dan pandangan tentang tahap kesedaran anak terhadap alam sekitar. Sebanyak 16 soalan dijawab dengan skala Likert 5 mata dan satu soalan tentang tahap kesedaran murid terhadap alam sekitar.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Jadual 2 menunjukkan taburan jantina dan bangsa responden murid dan ibu bapa. Seramai 137 orang responden murid terdiri daripada murid perempuan dan 88 lelaki. Responden ibu bapa pula melibatkan 128 responden perempuan dan 97 lelaki. Taburan bangsa menunjukkan bahawa bangsa Cina sebanyak (39.6 %), Melayu (35.1%), India (24%) dan lain-lain (1.3%). Taburan jantina dan bangsa yang tidak seimbang tidak menjejaskan keputusan kajian kerana kajian tidak menumpukan kepada perbezaan jantina dan bangsa.

Jadual 2 Taburan jantina dan bangsa responden murid serta ibu bapa

Responden	Jantina		Bangsa			
	Perempuan	Lelaki	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Murid	137 (60.9%)	88 (39.1%)	79 (35.1%)	89 (39.6%)	54 (24.0%)	3 (1.3%)
Ibu bapa	128 (56.9%)	97 (43.1%)				

Analisis latar belakang ibu bapa

Majoriti responden ibu bapa berumur antara 31 hingga 40 tahun adalah sebanyak 70.2 peratus. Hal ini menunjukkan kebanyakan ibu bapa responden murid merupakan pekerja yang masih berkhidmat. Manakala sebanyak 19.6 peratus adalah berumur 46 tahun dan ke atas. Hanya 0.9 peratus responden ibu bapa yang berumur kurang daripada 26 tahun dan 1.8 peratus berumur antara 26 hingga 30 tahun.

Dapatan kajian juga memaparkan majoriti responden ibu bapa merupakan lulusan SPM/LCE (34.7%) dan diikuti oleh lulusan SRP/PMR (25.3%). Perkara ini

menunjukkan bahawa kebanyakan responden ibu bapa telah mendapat pendidikan sekurang-kurangnya pendidikan menengah. Dengan adanya pendidikan menengah maka dipercayai ibu bapa mempunyai pengetahuan asas tentang alam sekitar yang boleh disebarkan kepada anak masing-masing. Sebanyak 17.8 peratus responden ibu bapa mempunyai kelulusan ijazah dan ijazah lanjutan yang merupakan pendidikan tinggi. Walau bagaimanapun, terdapat 6.2 peratus responden ibu bapa yang tidak mendapat pendidikan rasmi di sekolah terutamanya bagi responden ibu bapa yang berumur antara 40 tahun dan ke atas.

Sektor pekerjaan responden ibu bapa yang paling tinggi ialah sektor swasta (39.6 %), diikuti oleh responden ibu bapa yang tidak bekerja (23.6 %) dan hampir semua responden ibu bapa yang tidak bekerja ialah suri rumah tangga. Seramai 43 orang responden ibu bapa bekerja sendiri dan 39 orang responden ibu bapa yang berkhidmat dengan kerajaan manakala seorang merupakan pesara. Jadual 3 menunjukkan taburan latar belakang responden ibu bapa.

Jadual 3 Taburan latar belakang responden ibu bapa

Latar belakang	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
<u>Umur</u>		
<26 tahun	2	0.9
26-30 tahun	4	1.8
31-35 tahun	17	7.6
36-40 tahun	72	32.0
41-45 tahun	86	38.2
>46 tahun	44	19.6
<u>Taraf pendidikan</u>		
Pendidikan tidak rasmi	14	6.2
SRP/PMR	57	25.3
SPM/LCE	78	34.7
STPM/Diploma	36	16.0
Ijazah	31	13.8
Ijazah lanjutan	9	4.0
<u>Pekerjaan</u>		
Kerajaan	39	17.3
Swasta	89	39.6
Bekerja sendiri	43	19.1
Pesara	1	0.4
Tidak Bekerja	53	23.6
<u>Pendapatan bulanan ketua keluarga</u>		
<RM500	8	3.6
RM501-RM1,500	59	26.2
RM1,501-RM2,500	48	21.3
RM2,501-RM3,500	44	19.6
>RM3,501	66	29.3

Hasil analisis juga mendapati pendapatan ketua keluarga dalam kajian ini yang paling banyak ialah melebihi RM3,501 (29.3%), diikuti oleh RM501-RM1,500 (26.2%) yang boleh dikategorikan sebagai berpendapatan rendah. Sebanyak 21.3 peratus responden ibu bapa berpendapatan antara RM1,501-RM2,500 manakala sebanyak 19.6 peratus berpendapatan RM2,501-RM3,500. Dapatan kajian ini juga mendapati masih terdapat responden ibu bapa yang berpendapatan RM500 dan ke bawah (3.6 %). Daripada demografi responden ibu bapa tersebut maka dapat disimpulkan bahawa responden ibu bapa mempunyai sekurang-kurangnya pengetahuan asas tentang alam sekitar yang boleh dimanfaatkan kepada responden murid. Kebanyakan pendapatan ketua keluarga dalam kajian ini berpendapatan melebihi RM3,501 yang merupakan pendapatan sederhana.

Hubungan antara persepsi, sikap, tingkah laku dan pengetahuan responden murid terhadap alam sekitar dengan tingkah laku responden murid dari sudut pandangan responden ibu bapa

Bagi menentukan hubungan laporan sendiri yang diakui oleh responden murid terhadap alam sekitar dengan penilaian oleh responden ibu bapa maka ujian korelasi dijalankan. Hal ini kerana kemungkinan wujud perbezaan antara laporan sendiri dan penilaian yang dilakukan oleh orang lain. Berdasarkan pada Jadual 4 menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah persepsi, sikap, tingkah laku dan pengetahuan dengan tingkah laku responden murid di rumah terhadap alam sekitar. Analisis kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif tetapi tidak signifikan antara

Jadual 4 Hubungan antara pemboleh ubah persepsi, sikap, tingkah laku dan pengetahuan responden murid dengan tingkah laku responden murid terhadap alam sekitar dari sudut pandangan responden ibu bapa

Pemboleh ubah	Mata Korelasi/sig. r	Tingkah laku anak di rumah	Persepsi	Sikap	Tingkah laku	Pengetahuan
Tingkah laku anak di rumah	r	1	.084	.179**	.121	.016
	Sig. (2-sisi)	.	.207	.007	.069	.810
Persepsi	r		1	.400**	.198**	.307**
	Sig. (2-sisi)		.	.000	.003	.000
Sikap	r			1	.194**	.006
	Sig. (2-sisi)			.	.003	.934
Tingkah laku	r				1	.053
	Sig. (2-sisi)				.	.432
Pengetahuan	r					1
	Sig. (2-sisi)					.

**Signifikan pada aras keertian 0.01 (2-sisi).

Nota: Tingkah laku anak di rumah dinilai oleh ibu bapa

laporan sendiri murid terhadap pemboleh ubah persepsi ($r=.084$, $p>.05$) dan tingkah laku melalui laporan sendiri murid ($r=.121$, $p>.05$) dengan tingkah laku anak di rumah yang dinilai oleh responden ibu bapa. Pemboleh ubah pengetahuan dengan tingkah laku anak di rumah juga menunjukkan hubungan positif yang lemah tetapi tidak signifikan ($r=.016$, $p>.05$). Hanya pemboleh ubah sikap hasil laporan sendiri responden murid menunjukkan hubungan positif yang signifikan dengan penilaian responden ibu bapa terhadap tingkah laku anak di rumah ($r=.179^{**}$, $p<.05$). Kajian merumuskan bahawa terdapat hubungan yang positif antara laporan sendiri responden murid dengan penilaian responden ibu bapa terhadap tingkah laku anak di rumah walaupun tidak semua pemboleh ubah yang berhubungan secara signifikan.

Hubungan antara taraf pendidikan, pendapatan ketua keluarga dan teladan responden ibu bapa dengan tingkah laku responden murid terhadap alam sekitar

Konstruk kelima yang digunakan untuk menentukan kesedaran alam sekitar responden murid ialah demografi. Bagi menentukan peranan ibu bapa dalam mempengaruhi tingkah laku anak terhadap alam sekitar maka ujian korelasi telah dijalankan ke atas data yang diperolehi. Jadual 5 menunjukkan hubungan antara taraf pendidikan, pendapatan bulanan ketua keluarga dan teladan responden ibu bapa dengan tingkah laku responden murid terhadap alam sekitar.

Jadual 5 Hubungan antara taraf pendidikan, pendapatan ketua keluarga dan teladan responden ibu bapa dengan tingkah laku responden murid terhadap alam sekitar

Ujian	Pemboleh ubah	Mata korelasi / sig.	Taraf pendidikan	Pendapatan bulanan	Teladan ibu bapa	Tingkah laku anak
Spearman's rho	Taraf pendidikan	r	1.000	.530**	.169*	.192**
		Sig. (2-sisi)	.	.000	.011	.004
	Pendapatan bulanan	r		1.000	.148*	.114
		Sig. (2-sisi)		.	.026	.088
	Teladan ibu bapa	r			1.000	.427**
		Sig. (2-sisi)			.	.000
	Tingkah laku anak	r				1.000
		Sig. (2-sisi)				.

**Signifikan pada aras keertian 0.01 (2-sisi) $n=225$

*Signifikan pada aras keertian 0.05 (2-sisi)

Analisis seterusnya memaparkan bahawa hubungan positif dan signifikan yang agak lemah wujud antara taraf pendidikan ibu bapa dengan tingkah laku responden terhadap alam sekitar ($r=.192^{**}$, $p<.05$). Hal ini bermakna semakin tinggi taraf pendidikan ibu bapa maka tingkah laku anak terhadap alam sekitar juga semakin positif. Hasil kajian ini selari dengan kajian Aminrad *et al.*, (2010) yang mendapati pelajar PhD mempunyai tahap kesedaran yang paling tinggi berbanding pelajar sarjana dan sarjana muda. Begitu juga dengan hasil kajian Sabah Ahmed & Jamil (2010) juga mendapati semakin tinggi kelulusan responden memaparkan kesedaran yang semakin tinggi. Perkara ini menunjukkan bahawa taraf pendidikan ibu bapa berhubungan secara langsung dengan tingkah laku anak terhadap alam sekitar.

Pengaruh taraf pendidikan dapat dijelaskan apabila ujian korelasi partial dijalankan dengan menunjukkan pekali korelasi sebanyak 0.412. Oleh itu, kekuatan teladan ibu bapa terhadap alam sekitar telah menurun dari 0.427 kepada 0.412. Perkara ini menunjukkan bahawa taraf pendidikan ibu bapa mempunyai pengaruh terhadap hubungan teladan ibu bapa dan tingkah laku anak terhadap alam sekitar.

Walau bagaimanapun, tidak wujud hubungan antara pendapatan bulanan ketua keluarga dengan tingkah laku responden murid terhadap alam sekitar ($r=.114$, $p>.05$). Sebaliknya, wujud hubungan positif dan signifikan yang agak lemah antara pendapatan bulanan ketua keluarga dengan teladan ibu bapa terhadap alam sekitar ($r=.148^*$, $p<.05$) seperti pada Jadual 5. Hal ini mungkin berkaitan dengan kuasa beli barangan mesra alam yang biasanya berharga lebih mahal jika dibandingkan dengan barangan yang lain kerana tahap sosio ekonomi merupakan faktor yang penting untuk dikaji. Perkara ini kerana kanak-kanak yang membesar dalam taraf sosio ekonomi yang berbeza akan memperoleh kebolehan kognitif yang berbeza (Barraza, 2001; Gray, 1999).

Dapatan juga menunjukkan wujud hubungan positif dan signifikan yang sederhana antara teladan responden ibu bapa dengan tingkah laku responden murid terhadap alam sekitar ($r=.427^{**}$, $p<.05$). Secara umumnya, dapat dirumuskan bahawa teladan ibu bapa yang positif terhadap alam sekitar akan menghasilkan tingkah laku anak yang positif terhadap alam sekitar. Dapatan ini menjelaskan bahawa tingkah laku ibu bapa mempengaruhi tingkah laku anak terhadap alam sekitar iaitu semakin positif tingkah laku ibu bapa terhadap alam sekitar akan meningkatkan tingkah laku positif anak terhadap alam sekitar. Hal ini kerana walaupun tahap pemahaman terhadap tingkah laku dipengaruhi oleh pengalaman di sekolah tetapi pengalaman di rumah membawa impak yang besar dalam perkembangan dan pembangunan kanak-kanak adalah jelas (Musser & Diamond, 1999).

Peranan ibu bapa dalam meningkatkan kesedaran murid terhadap alam sekitar

Selain menilai tingkah laku anak terhadap alam sekitar, artikel ini turut mengenal pasti tingkah laku ibu bapa sebagai teladan kepada anak dalam konteks alam sekitar. Pemerhatian dan peniruan tingkah laku oleh anak melalui teladan ibu bapa menyebabkan sesuatu perbuatan menjadi budaya. Hal ini kerana menurut Teori

Pembelajaran Sosial, proses pembelajaran berlaku melalui pemerhatian, pengalaman dan pengajaran langsung (Bandura, 1977, 1986). Proses pembelajaran ini dapat mendatangkan keberkesanan yang lebih baik dan positif sekiranya pembelajaran dapat dilaksanakan di rumah dan sekolah. Oleh itu, keluarga terutamanya ibu bapa sememangnya mencipta pelbagai persekitaran yang unik bagi setiap anak (Mohd Sharani *et al.*, 2003).

Hasil kajian mendapati bahawa 48.4 peratus (min=3.11) responden ibu bapa menjalankan kegiatan kitar semula secara kerap dan sangat kerap di rumah sebagai teladan kepada anak. Namun, terdapat 26 orang responden ibu bapa yang tidak pernah menjalankan kegiatan kitar semula di rumah walaupun hanya mengitar semula kertas mahu pun botol. Jadual 6 menunjukkan tingkah laku responden ibu bapa sebagai teladan kepada anak dalam konteks alam sekitar. Akan tetapi teladan responden ibu bapa yang tidak pernah melakukan pembakaran sampah secara terbuka sebagai salah satu cara melupuskan bahan buangan agak baik iaitu seramai 89 orang (min=3.83) dan 66 orang jarang-jarang melakukannya.

Kesedaran responden ibu bapa mengamalkan penggunaan "*shopping bag*" ketika membeli-belah merupakan langkah awal yang baik terhadap pemupukan rasa sayang terhadap alam sekitar dan teladan yang positif kepada anak iaitu 72 orang (min=2.97) jarang-jarang mengamalkannya serta 97 responden ibu bapa kerap dan sangat kerap melakukannya. Majoriti responden ibu bapa selalu menasihati anak supaya menghargai alam sekitar dan melarang membuang sampah keluar dari kenderaan dengan kerap dan sangat kerap masing-masing (80%, min=3.94) dan (84%, min=4.19) seperti pada Jadual 6. Namun begitu, teladan responden ibu bapa supaya memilih untuk membeli barangan mesra alam masih rendah iaitu hanya (38.2%, min=2.98) kerap dan sangat kerap sahaja berbanding dengan 44 orang tidak pasti, 74 orang jarang-jarang melakukannya dan 20

Jadual 6 Teladan responden ibu bapa kepada responden murid

Saya ... sebagai teladan kepada anak	Tidak pernah (1)	Jarang-jarang (2)	Tidak pasti (3)	Kerap (4)	Sangat kerap (5)	Min
1 menjalankan kegiatan kitar semula di rumah	26 11.6%	68 30.2%	22 9.8%	73 32.4%	36 16.0%	3.11
2 membakar sampah sebagai salah satu cara melupuskan bahan buangan	89 39.5%	66 29.3%	27 12.0%	32 14.3%	11 4.9%	3.83
3 menggunakan ' <i>shopping bag</i> ' ketika membeli-belah	30 13.3%	72 32.0%	26 11.6%	65 28.9%	32 14.2%	2.97
4 selalu menasihati anak supaya menghargai alam sekitar	3 1.3%	23 10.2%	19 8.5%	110 48.9%	70 31.1%	3.94
5 melarang membuang sampah keluar dari kenderaan	11 4.9%	16 7.1%	9 4.0%	75 33.3%	114 50.7%	4.19
6 memilih untuk membeli barangan yang mesra alam walaupun harganya lebih mahal	20 8.9%	74 32.9%	45 20.0%	59 26.2%	27 12.0%	2.98

responden ibu bapa tidak pernah memilih untuk membeli barang yang mesra alam. Hal ini mungkin ada kaitan dengan pendapatan bulanan ketua keluarga atau kuasa beli ibu bapa yang masih rendah atau kekurangan kesedaran.

Perbincangan Kajian

Hubungan antara pemboleh ubah responden murid terhadap alam sekitar dengan tingkah laku responden murid dari sudut pandangan responden ibu bapa

Hasil analisis terhadap data menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif tetapi tidak signifikan antara laporan sendiri responden murid terhadap pemboleh ubah persepsi, tingkah laku dan pengetahuan dengan tingkah laku responden murid menurut pandangan responden ibu bapa. Walaupun hubungan menunjukkan tidak signifikan tetapi masih positif antara pemboleh ubah tersebut dengan tingkah laku responden murid dari sudut pandangan responden ibu bapa. Hanya laporan sendiri pemboleh ubah sikap responden murid mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan penilaian responden ibu bapa terhadap tingkah laku responden murid.

Hal ini bermakna semakin tinggi sikap terhadap alam sekitar maka tingkah laku yang positif terhadap alam sekitar juga semakin tinggi. Berdasarkan Teori Tingkah Laku Terancang yang dipelopori oleh Ajzen (1985) menyatakan bahawa sikap mempengaruhi tingkah laku sebenar seseorang melalui cadangan tingkah laku. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Amir Hamzah & Chin (2012) yang menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dan amalan kelestarian alam sekitar dalam kalangan murid. Perbezaan hasil kajian ini adalah disebabkan oleh kajian ini dinilai berdasarkan pandangan responden ibu bapa dan laporan sendiri responden murid.

Hubungan latar belakang dan teladan responden ibu bapa dengan tingkah laku responden murid di rumah

Hasil analisis korelasi mendapati bahawa pemboleh ubah taraf pendidikan responden ibu bapa mempunyai hubungan yang positif yang lemah dan signifikan dengan $r=.192^{**}$ dan $p<.05$. Hal ini menunjukkan bahawa semakin tinggi taraf pendidikan responden ibu bapa maka semakin tinggi tingkah laku responden murid terhadap alam sekitar. Dapatan kajian ini adalah sama dengan penemuan Pèer *et al.*, (2007) yang mendapati wujud hubungan signifikan dan positif antara pengetahuan alam sekitar responden dengan tahap pendidikan ibu. Taraf pendidikan dan profesion ibu bapa yang baik serta liberal didapati berupaya melahirkan anak yang mempunyai sikap lebih ke arah pro alam sekitar berbanding dengan anak yang lain (Taskin, 2009). Dengan kata lain, keprihatinan ibu bapa terhadap alam sekitar juga dapat mempengaruhi responden murid supaya lebih prihatin terhadap alam sekitar. Secara umumnya, pemboleh ubah yang melibatkan demografi responden seperti jantina, umur, taraf pendidikan,

pendapatan dan ideologi politik didapati berkait rapat dengan pengetahuan dan tindakan terhadap alam sekitar (İşildar & Yildirim, 2008).

Selain itu, dapatan kajian juga memaparkan teladan responden ibu bapa terhadap alam sekitar adalah berhubungan secara positif dengan sederhana dan signifikan ($r=.427^{**}$, $p>.05$). Perkara ini menjelaskan bahawa semakin baik teladan responden ibu bapa terhadap alam sekitar maka semakin positif tingkah laku responden murid terhadap alam sekitar. Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa terdapat hubung kait kelakuan ibu bapa dengan kawalan diri anak-anak (Mohd Sharani *et al.*, 2003). Perkaitan yang hadir menunjukkan teladan ibu bapa yang diperhati dan diteladani boleh menjadi ikutan anak semasa bertindak dengan alam sekitar. Oleh itu, ibu bapa disarankan supaya menunjukkan teladan yang positif terhadap alam sekitar supaya dapat diteladani oleh responden.

Peranan ibu bapa

Data yang diperoleh daripada respons responden ibu bapa menunjukkan bahawa keprihatinan ibu bapa terhadap alam sekitar masih boleh ditambah baik. Dapatan kajian menunjukkan hanya 48.4 peratus ($n=225$) responden ibu bapa yang kerap dan sangat kerap mengamalkan kitar semula. Jumlah ini agak rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Hasil kajian ini selari dengan kajian terdahulu yang mendapati bahawa amalan kitar semula di Malaysia masih kurang aktif (Mohd Nasir *et al.*, 1998; Nurizan *et al.*, 2004; Seow & Indera Syahrul, 2011). Amalan ibu bapa terhadap alam sekitar dalam meningkatkan kesedaran responden murid terhadap alam sekitar adalah penting kerana aspek yang paling penting melibatkan keibubapaan ialah aspek amalan ibu bapa yang tidak ketara seperti gaya dan harapan (Jeynes, 2004).

Walau bagaimanapun, terdapat tindakan ibu bapa yang baik dan positif terhadap alam sekitar boleh diteladani oleh responden murid. Antaranya, hasil kajian memaparkan bahawa seramai 68.8 peratus responden ibu bapa tidak pernah dan jarang-jarang melakukan pembakaran terbuka sebagai kaedah pelupusan sampah. Penggunaan “shopping bag” dalam kalangan ibu bapa menunjukkan seramai 43 peratus responden ibu bapa mengamalkannya secara kerap dan sangat kerap juga menunjukkan ada kesedaran oleh ibu bapa untuk memelihara alam sekitar. Peranan ibu bapa dalam melestarikan alam sekitar amat penting kerana mampu mempengaruhi tingkah laku dan tindakan anak terhadap alam sekitar. Hal ini demikian kerana pengaruh gen ibu bapa mereka terhadap keibubapaan mereka dan faktor genetik yang mempengaruhi keibubapaan dihantar kepada anak-anak dan mempengaruhi kepentingan pertimbangan dimensi anak-anak (Reiss, 2009).

Jika ibu bapa menunjukkan teladan yang negatif maka secara teorinya sedikit sebanyak anak akan terpengaruh. Kesan tersebut mempunyai kaitan dengan pendekatan kognitif yang menekankan kepentingan disiplin keibubapaan dan model sebagai instrumen untuk mengubah dan membentuk tingkah laku kanak-kanak (Kochanska, 2009). Kanak-kanak yang membesar saling berhubungan secara responsif

dengan ibu bapa dan akan mempercayai ibu bapa. Pada masa yang sama, kanak-kanak akan bermotivasi untuk bekerjasama secara sukarela dengan ibu bapa merangkumi nilai-nilai ibu bapa dan mengamalkan standard keibubapaan untuk dijadikan sebagai tingkah laku sendiri (Kochanska, 2009).

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa responden ibu bapa memilih mereka (ibu bapa) sebagai pihak yang paling bertanggungjawab untuk meningkatkan kesedaran responden terhadap alam sekitar. Pilihan kedua ialah sekolah dan ketiga masyarakat mengikut keutamaan. Hal ini kerana ibu bapa percaya bahawa sebagai pemimpin dan pakar rujuk di rumah, mereka akan dijadikan sebagai suri teladan dan contoh oleh responden murid dalam menjalani kehidupan seharian. Tesser (1993) menjelaskan bahawa faktor keturunan mungkin memberi kesan kepada pembentukan sikap tetapi dipercayai hanya mempengaruhi secara tidak langsung. Keadaan ini disebabkan oleh kebanyakan kanak-kanak cenderung menteladani kelakuan orang dewasa khususnya ibu bapa (Mohd Sharani *et al.*, 2003).

Bagi pemilihan medium mengikut keutamaan pula, ibu bapa memilih sekolah sebagai pilihan paling utama dan kedua manakala ketiga ialah televisyen. Kemunculan sekolah sebanyak dua kali berturut-turut pada pilihan yang paling utama dan kedua menunjukkan bahawa ibu bapa lebih mempercayai sekolah sebagai pusat penyebaran ilmu. Seterusnya, dapat meningkatkan kesedaran responden murid terhadap alam sekitar berbanding dengan medium-medium lain. Walaupun ibu bapa lebih mempercayai sekolah tetapi kerjasama semua pihak dan kesepaduan medium akan dapat menghasilkan peningkatan kesedaran alam sekitar yang lebih berkesan.

Kesimpulan

Ibu bapa merupakan pihak berkepentingan utama dalam mempengaruhi kehidupan anak-anak termasuk kesedaran terhadap alam sekitar. Ibu bapa seharusnya menjadi suri teladan yang baik kepada anak supaya dapat menerapkan dan memupuk tingkah laku positif terhadap alam sekitar. Sekali gus dapat dijadikan sebagai amalan dalam kehidupan seharian anak-anak. Oleh yang demikian, ibu bapa harus memulakan gaya hidup dan amalan yang sihat terhadap alam sekitar. Kewujudan hubungan yang positif dan signifikan antara latar belakang dan teladan ibu bapa dengan tingkah laku anak terhadap alam sekitar sepatutnya dijadikan sebagai petunjuk agar kesedaran ibu bapa dan anak terhadap alam sekitar dapat ditingkatkan. Walau bagaimanapun, kerjasama antara pihak lain masih diperlukan untuk melestarikan alam sekitar secara holistik.

Rujukan

- Ajzen, I. (1985). From intention to action: A theory of planned behavior. Dlm. Kuhl, J. & Beckmann (pnyt). *Action-control: From cognition to behavior*. Heidelberg: Springer
- Aminrad, Z., Azizi, M, Wahab, M., Huron, R. & Nawawi, M. (2010). Environmental awareness and attitude among Iranian students in Malaysian universities. *Environment Asia* 3: 1-10.

- Amir Hamzah, S. & Chin, C. K. (2012). Sikap dan amalan murid sekolah rendah dalam konsep lestari. Persidangan Kebangsaan Pembangunan dan Pendidikan Lestari 2012. Pulau Pinang: Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun. 19-20 September. 1-7.
- Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- Bandura, A. (1986). *The social foundation of thought and action: A social cognitive theory*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- Barraza, L. (2001). Perception of social and environmental problems by English and Mexican school children. *Canadian Journal of Environmental Education*, 6, Spring.
- Cohen, L, Manion, L. & Morrison, K. (2000). *Research Method in Education*. 5 ed. London: Routledge Falmer.
- Gray, P. (1999). *Psychology*. New York: Worth Publisher.
- Işildar, G. Y. & Yildirim, F. (2008). The effectiveness of environmental education on environmentally-sensitive behavior. *Education and Science*. 33(148): 13-25.
- Jeynes, W. (2004). Parental involvement and secondary school student educational outcomes: A meta-analysis. *Evaluation Exchange*, x(4), 6.
- Kilinc, A., Stanisstreet, M. & Boyes, E. (2008). Turkish students' ideas about global warming. *International Journal of Environmental and Science Education*, 3(2): 89-98.
- Kochanska, G. (2009). Mutually responsive orientation between mothers and their children: A context for the early development of conscience. Dlm. Liben, L. S. Current (ed.) *Directions in Developmental Psychology*. Pearson: Boston.
- Mohd Nasir, H., Mohd Kamil, Y., Wan Nor Azmin, S. & Rakmi, A. R. (1998). Issue and problem of solid management in Malaysia: Towards the next decade. Dlm. *National for Environment and Development*.
- Mohd Sharani, A., Zainal, M. & Mohamad Ibrani Shahrinin, A. A. (2003). *Psikologi Perkembangan Manusia*. McGraw Hill: UPM.
- Nurizan, Y., Laily, P., Sharifah Azizah, H., Norhasmah, S., Aini, M. S., Othman, M. N. & Naimah, S. (2004). Sustainable consumption: Understanding of main concept and knowledge of environment. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*. 7:66-78.
- Pe'er, S. Goldman, D. & Yavets, B. (2007). Environmental literacy in teacher training: Attitudes, knowledge and environmental behavior of beginning students. *The Journal of Environmental Education*. 39: 1, 45-59.
- Reiss, D. (2009). The interplay between genotypes and family relationships: Reframing concepts of development and prevention. Dlm. Liben, L. S. Current (ed.) *Directions in Developmental Psychology*. Pearson: Boston.
- Sabah Ahmed, A. W. & Jamil, A. (2010). The effect of demographic factors on the environmental awareness of Omani citizens. *Human and Ecological Risk Assessment: An International Journal* 16(2):380-401.
- Seow, T. W. & Indera Syahrul, M. R. (2011). Sikap masyarakat terhadap program kitar semula: Kajian kes di Daerah Batu Pahat, Johor. *Journal of Techno-Social*. 75-86. <http://eprints.uthm.edu.my/582/>
- Sharifah Zarina, S. Z. (2011). Science education in primary school toward environmental sustainability. *Research Journal of Applied Sciences*, 6(5): 330-334. ISSN: 1815-932X. Medwell Journal. <http://docsdrive.com/pdfs/medwelljournals/rjasci/2011/330-334.pdf>
- Taskin, O. (2009). The environmental attitudes of Turkish senior school student in the context of post materialism and the New Environmental Paradigm. *International Journal of Science Education* 31: 481-502.
- Tesser, A. (1993). On the importance of heritability in psychological research: The case of attitudes. *Psychological Review*. 100:129-142.